

Newspaper

Berita Harian

Date

30 January 2016

KRISIS UMNO KEDAH

Bashah tiada dalam senarai calon MB

BH - 30/1/2016

» Krisis politik berlarutan lebih seminggu makin panas

Oleh Adha Ghazali dan Suzalina Halid
bhnews@bh.com.my

Alor Setar

Krisis politik Kedah yang berlarutan lebih seminggu, semakin panas apabila nama Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bakar Bata, Datuk Seri Ahmad Bashah Md Hanipah tiada dalam senarai calon Menteri Besar Kedah menggantikan Datuk Seri Mukhriz Mahathir.

Sebaliknya, hanya nama ADUN Guar Chempedak, Datuk Dr Ku Abd Rahman Ku Ismail, ADUN Ayer Hangat, Datuk Mohd Rawi Abdul Hamid dan ADUN Bayu, Datuk Azmi Che Husin, dicadangkan kepada Jemaah Pemangku Sultan Kedah.

Seorang ADUN yang terbabit dalam gerakan pembaharuan kepemimpinan Kedah semalam memaklumkan kepada BH, nama Ahmad Bashah memang tiada dalam senarai yang diserahkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, kepada Jemaah Pemangku Sultan Kedah, di Istana Darul Aman, di Kuala Lumpur pagi semalam.

Beliau mengangap ia agak mengejutkan kerana selama ini Ahmad Bashah yang juga Timbalan Pengerusi Perhubungan UMNO negeri adalah calon yang disebut-se-

but dilantik sebagai Menteri Besar.

Tambahan pula, nama Ahmad Bashah ada dalam senarai ketika Najib bertemu dengan Yang di-Pertuan Agong Tuanku Abdul Halim Mu'adzam Shah sebelum ini.

"Sebelum ini Ahmad Bashah memang paling atas dalam senarai menggantikan Mukhriz, namun dalam senarai terbaharu hari ini (semalam), nama beliau tiada. Ia bukan suatu yang mustahil.

"Nama yang diserahkan hari ini (semalam) hanya tiga, iaitu Datuk Ku (Ku Abdul Rahman), Datuk Mohd Rawi dan Datuk Azmi... yang penting nama Ahmad Bashah memang tak ada," katanya.

Bagaimanapun, menurut sumber itu belum ada kata putus mengenai kedudukan Menteri Besar dan siapa yang bakal dilantik kerana sebarang kemungkinan boleh berlaku.

Belum ada kata putus

"Sepanjang pengetahuan saya setakat ini tiada kata putus dicapai (mengenai calon Menteri Besar). Apa pun, macam-macam boleh berlaku kerana ia masih di peringkat cadangan dan tidak mustahil nama Ahmad Bashah boleh kembali tersenarai," katanya.

Pada 20 Januari lalu, Ahmad Bashah yang juga Timbalan Pengerusi Perhubungan UMNO negeri bersama 13 Ketua Bahagian UMNO lain mengadakan sidang media meminta Mukhriz berundur selepas majoriti mereka mengaku hilang keyakinan dan kepercayaan terhadap beliau yang juga Pengerusi Perhubungan UMNO Kedah.

Susulan itu, mereka menyerahkan sepenuhnya kepada Perdana Menteri untuk melakukan per-



Najib bersama Pengerusi Jemaah Pemangku Sultan Kedah, Tan Sri Tunku Sallehuddin Sultan Badlishah (tiga dari kanan) selepas pertemuan tertutup di Istana Darul Aman, Bukit Persekutuan, semalam.

[FOTO ASYRAF HAMZAH/BH]

ubahan dengan segera termasuk menamakan Ahmad Bashah sebagai calon pengganti.

Sementara itu, beberapa ADUN yang enggan nama didedahkan mengakui mereka kini diminta

'berkampung' di kawasan masing-masing dan tidak meninggalkan Kedah, dipercayai ada kaitan dengan proses pertukaran Menteri Besar yang dijangka berlaku dalam tempoh terdekat.

Untuk video, layari
www.bharian.com.my